

22 JUL 1996
Mahathir-Defisit
MALAYSIA TIDAK HENTI IMPORT BARANGAN DARI JEPUN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak akan menghentikan import barangan dari Jepun walaupun langkah menghentikan import itu akan dapat mengurangkan defisit akaun semasa negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Untuk mengurangkan defisit, kita perlu mengurangkan import terutamanya dari negara-negara yang mempunyai lebih imbalan bayaran yang sangat besar dengan kita dan Jepun mempunyai lebih imbalan bayaran yang sangat besar dengan kita.

"Malahan, ia lebih besar daripada defisit nasional kita. Jika kita mengurangkan import dari Jepun sahaja, kita boleh mengatasi masalah ini," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Hotel Nikko Kuala Lumpur, hotel yang dimiliki dan dikendalikan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat Jepun, di Jalan Ampang, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus mengimport barangan dari Jepun memandangkan negara itu mempunyai barangan yang penting bagi pembangunan ekonomi negara ini.

Bagaimanapun beliau berharap Jepun, terutama industri pelancongannya akan membantu Malaysia mengurangkan defisit itu dengan menggalakkan lebih ramai rakyat Jepun melawat Malaysia.

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap lebih banyak rakyat Jepun akan melawat negara ini memandangkan pada masa ini, hanya sebilangan kecil daripada jumlah keseluruhan rakyat Jepun yang melancong ke luar negara setiap tahun, mengunjungi Malaysia.

"Kami hanya menerima 250,000 pelancong Jepun daripada sejumlah 30 juta pelancong Jepun yang melancong ke luar negara setiap tahun.

"Saya tidak tahu apakah yang tidak menarik mengenai Malaysia sehinggakan kita menerima kunjungan pelancong Jepun dalam bilangan yang sangat kecil," katanya.

Bagaimanapun, Malaysia dimaklumkan bahawa tiada tempat yang mencukupi dalam penerbangan dari Jepun.

Oleh itu, beliau berkata Hotel Nikko Kuala Lumpur, sebagai anak syarikat Japan Airlines (JAL), boleh membantu Malaysia mengatasi masalah itu dengan membawa lebih banyak pelancong Jepun ke negara ini.

"Memandangkan ia kini mempunyai hotel sendiri di Kuala Lumpur, kita tidak kisahlah jika ia membawa mereka menginap di Hotel Nikko yang dikendalikan oleh rakyat Jepun itu dan saya yakin standardnya akan dikekalkan," katanya.

Hotel 30 tingkat itu mempunyai 470 bilik termasuk 14 suite, dengan kadar bayaran RM390 hingga RM6,000 semalaman. Ia dibangunkan oleh MTJ Development Sdn Bhd, syarikat usahasama antara Toyo Real Estate Co. Ltd dan Japan Airlines Co. Ltd. -- BERNAMA

AH NAK NMO